



KARTINI

Kasih kepada alam sekitar

PELBAGAI aktiviti boleh dilakukan untuk mengisi masa lapang ketika berada di rumah. Antara aktiviti yang mendapat perhatian pada masa kini ialah menanam pokok hiasan dalaman.

Orang ramai semakin kreatif mengubah landskap di rumah dengan susunan pokok-pokok hiasan dalaman dan pada masa sama dapat melakukan aktiviti berfaedah bersama ahli keluarga.

Menurut Timbalan Pengarah Institut Kajian Etnik Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid, aktiviti menanam pokok di rumah dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

"Ibu bapa dapat mendidik anak-anak untuk menjadi insan bertanggungjawab dan penyayang kepada semua makhluk ciptaan Allah SWT menerusi penjagaan pokok-pokok ini.

"Selain itu, ibu bapa juga dapat mengenali sisi lain anak-anak yang selama ini lebih banyak ditonjolkan ketika bersama rakan-rakan," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Katanya, aktiviti bertani atau membuat landskap di rumah turut dapat mengeratkan hubungan jiran apabila masing-masing berkongsi minat sama dan bertukar-tukar pokok.

Ulasnya, hobi atau aktiviti menanam pokok hiasan mendapat perhatian ramai memandangkan ia mudah diuruskan.

"Pokok juga mempunyai aura unik kerana dapat menjadi terapi jiwa yang boleh meredakan tekanan di samping mengindahkannya kawasan kediaman.

"Aktiviti ini juga penting untuk melahirkan rasa sayang kepada alam sekitar dan bersama-sama menjaganya daripada kemusnahan hasil tangan manusia yang rakus," ujarnya.